



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN MENERIMA KEHADIRAN YB MENTERI DAN YB TIMBALAN MENTERI BARU

17 Mei 2013, Putrajaya – YB Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan YB Datuk Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan hari ini secara rasmi melapor diri di Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

YB Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor adalah merupakan Ahli Parlimen Putrajaya dan juga Setiausaha Agung Barisan Nasional dan UMNO. Beliau sebelum ini pernah menyandang jawatan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), serta Menteri Pelancongan. Manakala YB Datuk Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan pula merupakan Pengerusi Parti Progresif Penduduk (PPP) Pulau Pinang.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah ditubuhkan sejak tahun 1979 yang berfungsi sebagai penyelaras perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Klang. Pada tahun 1981, KWP telah diturunkan statusnya kepada Unit Perancangan Lembah Klang yang berada di bawah JPM. Pada 1984, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Dan Perancangan Lembah Klang diwujudkan bagi melaksanakan dasar pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. KWP ditubuhkan semula untuk memberi tumpuan khusus terhadap kemajuan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) serta menyelaras Perancangan Lembah Klang pada 27 Mac 2004.

Fungsi dan tanggungjawab KWP diperkuuh dan diperluaskan untuk membasmi kemiskinan bandar seluruh negara dan melaksanakan program Kesejahteraan Bandar pada 23 Oktober 2009 dan dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar. Namun begitu, fungsi Kesejahteraan Bandar telah diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 16 Mei 2013.

Sehubungan dengan itu, fungsi **Kementerian Wilayah Persekutuan** kembali kepada fungsi asal yang akan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap perancangan dan pembangunan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan

17 Mei 2013 - Putrajaya